

# Pantau harga barang elak peniaga raih kesempatan

Insyallah umat Islam akan menyambut Aidilfitri minggu hadapan. Sempena kedatangan perayaan ini sudah pasti ramai yang membeli-belah sebagai persiapan sempena lebaran.

Namun, apa yang menjadi kerisauan adalah harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Ketika pengguna sibuk melakukan persiapan, terdapat segelintir peniaga tidak bertanggungjawab mengambil peluang menaikkan harga barangan.

Justeru, pihak berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) perlu sentiasa melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan.

Rata-rata pengguna berasa gembira dengan keputusan kerajaan baru-baru ini yang menyenaraikan 21 barangan di bawah Skim Kawalan Harga Sempena Musim Perayaan berkuat kuasa sepuluh hari sebelum Aidilfitri sehingga enam hari selepas Aidilfitri.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) sudah lama dilaksanakan di negara ini, bermula tahun 2000 dan dikawal selia melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencapaian 2011 (Akta 723) (dahulunya dikenali sebagai Akta Kawalan Harga 1946).

Di bawah skim terbabit, beberapa jenis barangan keperluan dikenal pasti sebagai barangan harga terkawal musim perayaan untuk ditetapkan harga maksimum pada peringkat pengeluaran, pemborong dan peruncit dalam satu tempoh tertentu.

Skim ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan harga di-



*Tanda harga mampu mengelakkan kekeliruan di antara pembeli dan penjual **sekali gus melindungi hak pembeli.***

[GAMBAR HIASAN]

tetapkan berbeza mengikut kawasan dan daerah.

## **Akta lindungi pengguna**

Tujuan utama pelaksanaannya adalah bagi melindungi pengguna daripada peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan (mencatut).

Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap individu atau pertubuhan yang melanggar etika dalam aktiviti penjualan mereka dengan menaikkan harga barangan sesuka hati melebihi harga maksimum yang ditetapkan Akta 723.

Seksyen 14 Akta 723 jelas menyatakan bahawa mana-mana orang yang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, mencatut dalam menjual atau menawarkan untuk menjual atau membe-

kalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barangan atau perkhidmatan adalah melakukan suatu kesalahan.

Bagi maksud Akta terbabit, mencatut ertinya membuat keuntungan tinggi secara tidak munasabah.

Jika didapati bersalah sesuatu pertubuhan boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000, manakala bagi individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000, dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Peniaga juga dikehendaki meletakkan label berwarna merah jambu khusus bagi barangan harga terkawal.

Label berkenaan perlu menunjukkan harga bagi setiap

## **FORUM**

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bharian.com.my**

unit, perihal dan gred atau kualiti barang berkenaan.

## **Denda jika tiada harga**

Peniaga yang gagal meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu perlu berdepan denda sehingga RM10,000 atau kompaun sehingga RM5,000 bagi individu atau maksimum RM20,000 atau kompaun RM10,000 bagi syarikat.

Semua pihak harus saling bekerjasama bagi menangani masalah kenaikan harga barangan dan perkhidmatan sempena musim perayaan. Sebagai pengguna bijak, kita mesti berani menggunakan kuasa pengguna yang ada dengan memboikot barangan dan perkhidmatan tertentu jika ia ditawarkan pada harga tidak munasabah.

Pengguna juga dinasihat menyimpan segala resit perbelanjaan sebagai bukti jika terdapat salah laku peniaga.

Sebarang tindakan tidak bertanggungjawab dilakukan segelintir peniaga yang menaikkan harga barangan dan perkhidmatan perlu dibendung serta dilaporkan segera kepada agensi atau persatuan berkaitan.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia